

## **Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Subjek Hubungan Etnik: Kajian kes di Universiti Malaysia Perlis**

Siti Norayu Mohd Basir, Junainor Hassan, Shuhairimi Abdullah dan Hassad Hassan  
Universiti Malaysia Perlis

### **ABSTRAK**

Objektif umum kajian adalah untuk melihat dan menganalisa persepsi pelajar teknikal di Universiti Malaysia Perlis UniMAP mengenai kefahaman konsep Rukun Negara yang diajar dalam subjek Hubungan Etnik. Terdapat dua tujuan khusus kajian iaitu pertama, melihat dan menganalisa tahap kesedaran dan kefahaman pelajar terhadap kepentingan Rukun Negara. Kedua, bagaimana subjek Hubungan Etnik memberi impak dalam usaha menyuburkan lagi kesedaran dan pemahaman konsep Rukun Negara dalam kalangan pelajar. Seramai 200 orang pelajar teknikal terlibat dalam kajian ini. Sampel responden adalah terdiri daripada sebahagian pelajar yang mendaftar dalam kursus EUW/UUW235 Hubungan Etnik dengan berlatarbelakangkan kepelbagaian program peringkat Ijazah Sarjana Muda. Reka bentuk kajian adalah kaedah tinjauan melalui pendekatan kuantitatif. Data diperolehi dan dikumpul dengan menggunakan kaedah edaran borang kaji selidik dengan mengimplimentasikan skala likert sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, sangat setuju dan setuju. Item-item soal selidik adalah dibina oleh kumpulan penyelidik. Hasil kajian mendapati 179 atau 89.5% orang pelajar bersetuju dengan min skala 4.34 (di antara skala sangat bersetuju dan bersetuju) bahawa masyarakat boleh hidup bersatu padu sekiranya mereka memahami dan menghayati Rukun Negara dan terdapat seramai 94 atau 47% orang pelajar dengan dapatan min 4.03 (di antara skala setuju dengan sangat bersetuju) bahawa kefahaman dalam Rukun Negara yang merupakan falsafah negara adalah piagam lengkap bagi rakyat Malaysia. Kesimpulannya, subjek Hubungan Etnik merupakan subjek penting dalam memberi kesedaran dan kefahaman konsep Rukun Negara dalam pembentukan masyarakat majmuk yang harmoni dan bertoleransi di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, dengan peratusan 47% menunjukkan terdapat jurang kurang kefahaman yang kukuh akan kepentingan konsep Rukun Negara dan perkaitan dengan manfaat diri pelajar akan tahap kesedaran dan kefahaman pelajar yang sepatutnya merupakan aset penting dalam mengukuhkan persepsi pelajar akan kefahaman kepelbagaian budaya dan perkaitannya dengan sejarah yang membentuk Rukun Negara untuk dijadikan ideologi satu bangsa.

**Kata kunci:** Rukun Negara, negara bangsa, pengajaran dan pembelajaran dan Hubungan Etnik.

## 1.0 PENGENALAN

Keharmonian, perpaduan dan integrasi merupakan perkara penting dalam usaha Malaysia menjadi sebuah negara bangsa. Walau bagaimanapun, keharmonian yang dinikmati pada hari ini menuntut pengorbanan yang besar daripada rakyat Malaysia dengan melalui perjalanan sejarah yang pahit. Peristiwa 13 Mei 1969 telah membuka mata semua peringkat umur dan kaum di Malaysia akan kepentingan sifat bertolak ansur di antara satu sama lain, rasa hormat antara budaya, agama dan latar belakang adat kepercayaan setiap bangsa, etnik dan warna kulit (Ruslan Zainudin, 2005). Lantaran peristiwa pahit 13 Mei 1969 ini yang telah meragut ribuan nyawa dan menjadikan Malaysia mengambil ikhtibar untuk membentuk satu pegangan kefahaman nasionalisme bagi memupuk semangat perpaduan dan integrasi yang harus dipegang dan dipupuk dalam masyarakat majmuk.

Perpaduan dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia sangatlah kritikal bagi membentuk dan membina persepsi antara kaum yang positif dalam apa jua isu kerana jika tidak, ia boleh mengundang sentimen negatif yang menyebabkan perpecahan kaum dalam masyarakat sehingga membawa kepada ketidakstabilan politik dan ekonomi. Malahan, konflik perkauman boleh mewujudkan kebencian antara kaum sehingga membawa kepada pergaduhan dan pertumpahan darah seperti mana insiden yang berlaku di Kampung Rawa, Pulau Pinang pada tahun 1988 dan Kampung Medan pada tahun 2001 (Azman Amin Hassan, 2005; Syed Husin Ali, 2008). Walau bagaimanapun, melihat pada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, terdapat 327 kes yang dilaporkan berkaitan dengan konflik sosial dari tahun 1996 hingga 2002 (Nazri Muslim et al., 2012).

Oleh yang demikian, pemimpin negara telah memikirkan dan memperkenalkan formula kesetiaan rakyat dalam Rukun Negara yang telah digubal sebagai falsafah, etika dan idealogi bagi membudayakan dan menyemai persamaan pemikiran yang dikongsi oleh semua masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia agar membentuk rakyat Malaysia yang cintakan tanah air (Mohd Ayop Abd. Razid, 2010).

*Rukun Negara is a unique piece of document which outlines the basic beliefs and principles that should guide the Malaysia nation...indeed, the basic beliefs and principles of the Rukun Negara should be incorporated into the Constitution.*

(C. B Tan, 1987: 264)

Sebagaimana yang diulas oleh C.B Tan (1987), Rukun Negara telah dibentuk pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) berdasarkan pindaan Draf Rukun Negara yang terbentuk melalui Majlis Perundangan Negara (MPN). Rukun Negara yang dirangka adalah ideologi nasional Malaysia sebagai panduan untuk merencanakan atau melaksanakan program dan dasar-dasar negara (Ramlah Adam, 2005). Sehubungan dengan itu, Rukun Negara digunakan sebagai alat untuk mengatasi garis pemisah antara etnik, bangsa dan agama dalam membentuk dan membimbing masyarakat Malaysia ke arah mewujudkan perpaduan. Hal ini menjadikan Rukun Negara sebagai garis panduan kepada peraturan dan norma hidup berintegrasi di antara kaum di Malaysia.

Memandangkan perpaduan dan kesetiaan merupakan agenda penting dalam semua aspek dalam negara, maka usaha kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi adalah sangat penting untuk menyuburkan semula kesedaran dan pemahaman terhadap kepentingan perpaduan dan integrasi antara masyarakat. Jadi, inisiatif mewajibkan pengajaran subjek Hubungan Etnik di seluruh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) diperkenalkan dan dimulakan pada tahun 2007 di mana penyelarasan kandungan subjek Hubungan Etnik dimulakan pada tahun 2013 (Laporan Prospektus Mata Pelajaran Pengajian Umum, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2013).

Cadangan memperkenalkan pengajaran mata pelajaran Hubungan Etnik pada tahun 2004 telah menghasilkan modul subjek ini yang mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan. Menurut Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin selaku Ketua Editor, modul subjek Hubungan Etnik; penghasilan modul ini bukan sesuatu yang mudah. Modul ini dihasilkan dengan bertunjangkan objektif utama untuk memupuk perpaduan antara rakyat yang ingin dimulakan daripada diri mahasiswa dan mahasiswi di IPTA dan proses ini melalui pelbagai peringkat yang perlu diteliti dan dihormati dalam setiap bahagian.

Justeru itu, Universiti Malaysia Perlis merupakan salah sebuah universiti awam tempatan negara Malaysia yang bermula sebagai sebuah kolej swasta yang dikenali sebagai KUKUM pada tahun 1997 sehinggalah dinaiktaraf kepada universiti awam pada tahun 2007. Universiti Malaysia Perlis (nama singkatan UniMAP) adalah sebuah universiti teknikal dengan menawarkan kepelbagaian program peringkat sarjana, ijazah sarjana muda dan diploma. Selain itu, terdapat

juga beberapa program peringkat sarjana dan ijazah sarjana muda dalam bidang perniagaan dan keusahawanan ditawarkan.

Penawaran salah satu wajib universiti di UniMAP ialah EUW/UUW234 Hubungan Etnik. Subjek ini adalah merupakan subjek yang diwajibkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk memberi kesedaran dan kefahaman akan kepentingan sejarah Malaysia dalam memainkan peranan pembentukan dan semaian semangat budaya bangsa. Subjek Hubungan Etnik dilihat dan dianggap sebagai subjek yang sangat penting dalam menyemai semangat integrasi di antara kaum di Malaysia agar perpaduan dapat digarap dan dipraktikkan bagi kesejahteraan negara. Konsep Rukun Negara diperkenalkan dalam subjek ini dan ia melibatkan perkaitan perkembangan sejarah dalam pembentukan Malaysia.

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

### **2.1 Objektif Umum**

Objektif umum kajian adalah untuk melihat dan menganalisa persepsi pelajar teknikal di Universiti Malaysia Perlis UniMAP mengenai kefahaman konsep Rukun Negara yang diajar dalam subjek Hubungan Etnik.

### **2.2 Objektif Khusus**

Terdapat dua tujuan khusus kajian, iaitu:

- i. Melihat dan menganalisa tahap kesedaran dan kefahaman pelajar terhadap kepentingan Rukun Negara.
- ii. Bagaimana subjek Hubungan Etnik memberi impak dalam usaha menyuburkan lagi kesedaran dan pemahaman konsep Rukun Negara dalam kalangan pelajar.

### 3.0 SOROTAN LITERATUR

Kajian yang melihat kepada konsep Hubungan Etnik banyak tertumpu mengenai isu keistimewaan hak-hak orang Melayu (Ratnam, 1996; Mean, 1991). Walau bagaimanapun, kajian seperti kesedaran dan kefahaman konsep Rukun Negara masih agak berkurangan kerana perspektif kesedaran dan kefahaman yang dilaksanakan di peringkat pendidikan tinggi diperkenalkan hanya sebagai satu subjek teras universiti yang seharusnya menggarap isu kefahaman pembentukan negara Malaysia yang berteraskan masyarakat majmuk dengan konsep perpaduan ideologi satu bangsa.

Perkara utama yang selalu disentuh dan diperbincangan dalam konsep Rukun Negara ialah kesamarataan hak antara kaum (Ratnam, 1969; Abdul Aziz Bari, 2005). Menurut Nazri Muslim (2012), terdapat banyak kekurangan ruang mengenai kajian persepsi generasi muda mengenai isu hak yang perlu diberi perhatian dan sudah semestinya terkandung dalam konteks konsep Rukun Negara.

Sehubungan dengan itu, terdapat kajian yang dibuat oleh Mohd Yusof Othman (2012) yang mempunyai persamaan rapat dengan persepsi pelajar terhadap konsep Rukun Negara, iaitu di mana beliau mengkaji tahap jati diri pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di sekitar Lembah Klang. Hasil kajian beliau menunjukkan hanya 54.6% responden mempunyai tahap jati diri yang tinggi. Perbezaan signifikan daripada segi jati diri etnik ialah ( $k < 0.001$ ), berbanding dengan kajian yang dibuat di Universiti Malaysia Perlis 2014 oleh pengkaji mengenai tahap kesedaran dan kefahaman konsep Rukun Negara yang mempunyai persamaan konotasi definisi dengan jati diri mencapai peratusan sebanyak 89.5% terhadap 200 orang sampel responden pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda (Siti Norayu & Junainor et al., 2014).

Walaupun bagaimanapun terdapat persamaan dapatan kajian, iaitu apabila dilihat daripada segi kesedaran akan kepentingan konsep Rukun Negara dengan perkaitan dan manfaat diri hanya mendapat skor peratusan yang rendah, iaitu 47% sahaja. Hal ini menunjukkan terdapat beberapa komponen dalam Rukun Negara dalam pengajaran Hubungan Etnik perlu diperdalamkan, diperluaskan dan diperlihatkan perkaitan kepentingannya dalam kehidupan harian pelajar. Hal ini adalah sangat perlu kerana integrasi nasional perlu disemai sehingga ke kehidupan harian individu agar sikap dan budaya perpaduan tidak mudah goyah.

Perpaduan antara kaum di Malaysia amat penting terutama pada zaman sekarang di mana terdapat perbezaan pendapat mengenai demokrasi akibat peralihan dan modifikasi budaya hasil daripada penularan budaya asing. Hal ini terbukti dalam

kajian yang dijalankan oleh Unit Khas Utusan Malaysia terhadap 200 orang responden, iaitu 89.5% responden terdiri daripada generasi muda yang kurang patriotisme, tidak mengambil berat akan soal perpaduan dan kurang mengambil berat akan sejarah Malaysia (Utusan Malaysia, 28 Oktober 2010).

Hal ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Ramlah Adam (2005), di mana hanya 70% pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini boleh menghafal Rukun Negara dengan baik dan kurang kesediaan untuk berkorban demi negara (Mohd Yusof Othman, 2012). Walau bagaimanapun, pelajar jurusan sastera pula lebih banyak menerima pendedahan berkaitan dengan Rukun Negara dalam kursus-kursus pengajian mereka (Mohd. Yusof Othman, 2012).

Justeru itu, dilihat bahawa langkah kesedaran dan kefahaman konsep Rukun Negara yang membawa kepada jati diri individu adalah proses berterusan dan ini boleh diperolehi melalui pendidikan. Ini diakui oleh Collet (2007) bahawa saluran pendidikan merupakan alat terpenting dan aset utama untuk generasi muda mendapatkan kesedaran dan mempraktikkan jati diri kebangsaan. Penawaran kursus Hubungan Etnik yang diwajibkan oleh semua institusi pengajian tinggi di negara Malaysia merupakan langkah terbaik dan perlu diteruskan.

## **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

### **4.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen kajian iaitu soal selidik, semua perolehan data akan dianalisis dan diterangkan secara deskriptif. Menurut Berg et al., (1979), kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi daripada soal selidik atau media yang lain. Justeru itu, memandangkan kajian ini adalah untuk melihat persepsi dan tahap kesedaran dan pemahaman pelajar, maka kaedah terbaik ialah menggunakan kaedah deskriptif (Wiersma, 1995). Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar yang sedang mengambil subjek EUW235 Hubungan Etnik. Sampel akan dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Dianggarkan antara 50 sampel akan terlibat dalam kajian rintis dan kajian lapangan akan melibatkan 200 sampel. Data yang dikumpul diproses menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS) 17.0 for Windows bagi mendapatkan kekerapan dan peratusan dan dipersembahkan dalam bentuk jadual.

## **4.2 Lokasi Kajian**

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan UniMAP. Secara umumnya, kajian ini melibatkan pelajar kejuruteraan UniMAP khususnya pelajar yang sedang mengambil subjek EUW235 Hubungan Etnik. Kajian ini melibatkan pelajar yang berlatarkan kepelbagaian bidang program peringkat Ijazah Sarjana Muda dan diambil dari demografi yang pelbagai iaitu dari segi umur, bangsa, jantina, pengalaman bekerja dan tempat tinggal.

## **4.3 Populasi dan Persampelan**

Populasi kajian dipilih dalam kalangan pelajar yang sedang mengambil subjek EUW235/UUW235 Hubungan Etnik Semester 2 Sesi 2013/2014 di UniMAP yang jumlah keseluruhannya adalah 486 orang pelajar. Melihat kepada populasi yang besar, penyelidik berpendapat adalah lebih mudah untuk menggunakan persampelan secara rawak mudah dimana sampel diambil dari 30% jumlah populasi sebenar. Jumlah ini bersesuaian dengan pendapat Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), iaitu setidak-tidak 30% daripada populasi itu sudah dianggap mencukupi bagi saiz sampel. Jumlah sampel adalah 200 orang dari keseluruhan jumlah populasi pelajar yang sedang mengambil subjek EUW235 Hubungan Etnik Semester 2 Sesi 2013/2014 di UniMAP.

## **5.0 INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah kajian tinjauan menggunakan soal selidik. Penggunaan soal selidik dilihat lebih praktikal dalam mengumpul maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik. Di dalam soal selidik yang digunakan, terdapat tiga bahagian yang perlu dijawab oleh responden. Bahagian A mempunyai lapan soalan yang mewakili maklumat demografi responden. Bahagian B pula mempunyai tujuh soalan yang membincangkan tentang persepsi responden terhadap kepentingan menghayati Rukun Negara, manakala bahagian C yang juga mempunyai tujuh soalan membincangkan tentang persepsi responden terhadap pengajaran Rukun Negara dalam subjek Hubungan Etnik di UniMAP.

Bagi bahagian B dan C, penyelidik menggunakan skala pengukuran Likert. Penyelidik menggunakan skala pengukuran dalam kajian adalah Skala Likert yang mengandungi lima nilai, iaitu:

Skala	Markah
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

## 6.0 ANALISIS DATA

### Analisis Data Bahagian Demografi

**Jadual 1: Profil Responden**

		Frekuensi	Peratus
Umur	<20	39	19.5
	21-25	157	78.5
	26-30	4	3
Bangsa	Melayu	113	56.5
	Cina	49	24.5
	India	34	17
	Lain-lain		
Jantina	Lelaki	85	44
	Perempuan	115	56
Pengalaman bekerja	Tidak pernah bekerja	35	17.5
	6 bulan - 1 tahun	141	70.5
	1 tahun - 1 tahun setengah	10	5.0
	1 tahun setengah - 2 tahun	4	2.0
	>2 tahun	10	5.0
Tempat tinggal	Bandar	79	43
	Luar bandar	86	17.5
	Pinggir bandar	35	39.5

Jadual 1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur, bangsa, jantina, pengalaman bekerja dan tempat tinggal. Di bahagian umur, terdapat tiga pecahan umur iaitu kurang 20 tahun seramai 39 orang (19.5%), 21-25 tahun seramai 157 orang (78.5%) dan 26-30 tahun seramai 4 orang (3%). Pecahan kaum terdiri daripada Melayu seramai 113 orang (56.5%),



Cina seramai 49 orang (24.5%) dan India seramai 34 orang (17%). Daripada 200 orang responden, 85 orang (44%) terdiri daripada responden lelaki dan selebihnya adalah responden perempuan, iaitu 115 orang (56%). Terdapat responden yang mempunyai pengalaman bekerja. Seramai 35 orang (17.5%) tidak pernah bekerja, 141 orang (70.5%) yang pernah bekerja sekitar enam bulan hingga setahun, 10 orang (5%) mempunyai pengalaman bekerja sekitar setahun hingga setahun setengah, 4 orang (2%) mempunyai pengalaman bekerja sekitar setahun setengah hingga dua tahun dan 10 orang (5%) mempunyai pengalaman bekerja lebih dua tahun. Responden juga terdiri daripada pelajar yang mempunyai keadaan tempat tinggal berbeza di mana seramai 79 orang (43%) berasal dari bandar, 86 orang (17.5%) dari luar bandar dan 35 orang (39.5%) dari kawasan pinggir bandar.

**Jadual 2: Maklum balas responden terhadap setiap item mengenai kepentingan pemahaman dan penghayatan Rukun Negara**

Item	STS f (%)	TS f (%)	TP f (%)	S f (%)	ST f (%)	M
Rukun Negara mewujudkan sebuah negara yang rakyatnya bersatu padu	2 (1)	2 (1)	17 (83)	83 (41.5)	96 (48)	4.34
Rukun Negara memelihara cara hidup demokratik	2 (1)	2 (1)	23 (11.5)	105 (52.5)	68 (34)	4.17
Rukun Negara sebagai falsafah negara.	2 (1)	26 (13)	30 (15)	50 (25)	92 (46)	4.30
Rukun Negara mewujudkan sikap liberal terhadap kebudayaan yang berbeza.	3 (1.5)	4 (2)	45 (22.5)	96 (48)	52 (26)	3.95
Rukun Negara memperkukuhkan jati diri sebagai rakyat Malaysia.	4 (2)	1 (0.5)	23 (11.5)	86 (43)	86 (43)	4.24
Rukun Negara merupakan ideologi yang dikongsi semua rakyat Malaysia.	4 (2)	4 (2)	29 (14.5)	76 (38)	87 (43.5)	4.19
Rukun Negara mampu mewujudkan masyarakat Malaysia yang demokratik.	3 (1.5)	2 (1)	32 (16)	93 (46.5)	70 (35)	4.12

Jadual 2 di atas menunjukkan maklum balas responden terhadap item yang mengkaji tentang kepentingan pemahaman dan penghayatan Rukun Negara. Soalan-soalan yang dibina melihat kepada maksud tersirat pembentukan Rukun Negara. Analisis data mendapati pada item pertama, iaitu mengenai Rukun Negara mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, hanya 1% responden yang sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju, manakala 83 orang (41.55%) responden bersetuju dan 96 orang (48%) sangat bersetuju dengan kenyataan bahawa Rukun Negara mampu mewujudkan masyarakat yang bersatu. Skor min bagi item ini adalah tinggi iaitu 4.34. Dapatan mendapati 179 orang bersetuju bahawa masyarakat boleh hidup bersatu padu sekiranya mereka memahami dan menghayati Rukun Negara.

**Jadual 3: Maklum balas responden terhadap setiap item mengenai Pengajaran Rukun Negara dalam subjek Hubungan Etnik di UniMAP**

Item	STS f (%)	TS f (%)	TP f (%)	S f (%)	ST f (%)	M
Perbincangan di dalam kelas membantu meninggikan kefahaman terhadap Rukun Negara.	13 (6.5)	3 (1.5)	32 (16)	104 (52)	48 (24)	3.86
Subjek HE menekankan tentang kepentingan Rukun Negara sebagai ideologi negara.	15 (7.5)	1 (0.5)	28 (14)	97 (48.5)	59 (29.5)	3.89
Tugasan menambahkan ilmu penghayatan Rukun Negara.	13 (6.5)	6 (3)	35 (17.5)	102 (51)	44 (22)	3.77
Subjek HE membantu pelajar menghayati Rukun Negara.	12 (6)	7 (3.5)	33 (16.5)	106 (53)	42 (21)	3.78
Subjek HE membantu saya memahami Rukun Negara sebagai falsafah negara.	7 (3.5)	26 (13)	34 (17)	70 (35)	63 (31.5)	4.03
Subjek HE menambah minat saya untuk memahami Rukun Negara.	11 (5.5)	4 (2)	43 (21.5)	108 (54)	34 (17)	3.75
Subjek HE membantu saya memahami Rukun Negara sebagai piagam lengkap Malaysia.	6 (3)	1 (0.5)	36 (18)	94 (47)	63 (31.5)	4.01

Jadual 3 diatas menunjukkan maklum balas responden terhadap setiap item mengenai Pengajaran Rukun Negara dalam subjek Hubungan Etnik di UniMAP. Pada item lima, iaitu pengajaran subjek Hubungan Etnik membantu responden dalam memahami Rukun Negara sebagai falsafah negara menunjukkan skor min yang tinggi, iaitu 4.03. Seramai 70 orang (35%) bersetuju dan 63 orang (31.5%) sangat bersetuju mengatakan bahawa mereka faham Rukun Negara merupakan falsafah negara melalui pengajaran subjek Hubungan Etnik di UniMAP. Selain itu, dapatan item tujuh mengenai subjek Hubungan Etnik membantu mereka memahami bahawa Rukun Negara sebagai piagam lengkap Malaysia yang menunjukkan bahawa skor min berada pada tahap tinggi, iaitu 4.01 di mana seramai 94 orang (47%) bersetuju dan 63 orang (31.5%) sangat bersetuju bahawa mereka tahu bahawa Rukun Negara merupakan piagam lengkap bagi rakyat Malaysia.

## 7.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Capaian persepsi yang baik dalam diri pelajar dalam memahami konsep Rukun Negara dan peranannya dalam membentuk kesedaran dan kefahaman terhadap kepentingan sikap menghormati budaya, agama dan tatacara hidup yang berlainan dengan diri boleh digarap pada peringkat awal dan disemai melalui kaedah pendidikan berterusan walaupun telah meningkat usia remaja dan dewasa. Hal ini demikian kerana kesedaran dan kefahaman kerukunan rakyat yang disemai dalam Rukun Negara perlu diberi dan diasah pada setiap masa agar rakyat tidak mudah lupa dan akan sentiasa memegang teguh prinsip satu bangsa agar keharmonian negara terjaga. Menurut Mohd Yusof Othman et al (2012), unsur-unsur rasa kepunyaan kepada bangsa dan negara perlulah ada sekiranya ingin membentuk jati diri yang baik.

Justeru itu, kewujudan subjek Hubungan Ethik dalam salah satu kursus wajib universiti di UniMAP membuktikan peranannya amat penting dalam memberikan kesedaran semula akan kepentingan kesepaduan kaum dengan mengenali pembentukan sejarah negara Malaysia itu sendiri. Dalam kesibukan pelajar mempelajari subjek-subjek teras program masing-masing dan kepadatan aktiviti kehidupan harian lain, selitan subjek Hubungan Etnik merupakan aset penting dalam memberikan kesedaran berterusan mengenai kesepaduan kaum bagi membentuk ideologi satu bangsa negara Malaysia.

Walau bagaimanapun, harus juga terdapat susulan program-program atau aktiviti-aktiviti lain yang boleh menyokong kesepaduan subjek Hubungan Ethik dalam pembentukan kesedaran dan kefahaman Rukun Negara ini. Hal ini demikian kerana program-program atau aktiviti-aktiviti susulan yang berbentuk

penglibatan langsung pelajar seperti aktiviti kebudayaan bersama seperti mengadakan lawatan pembelajaran ke pusat-pusat atau tempat-tempat kebudayaan serta perpustakaan bersejarah dapat memperlihatkan dengan lebih jelas dalam menerangkan kepentingan perpaduan sebangsa negara. Aktiviti-aktiviti seperti ini merupakan satu bentuk aktiviti kegiatan langsung yang boleh diselitkan dalam subjek Hubungan Ethik yang mana boleh memberikan impak yang lebih berkesan dalam pembinaan jati diri pelajar.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari. (2005). *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication.
- Azman Amin Hassan. (2005). *Solving Conflicts in a Multicultural Society: The Case of Kampung Medan*. In Muhammad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hassan. *Reading on Ethic Relations in Multicultural Society*. Serdang: UPM
- Berg, Walter R. & Gall Meredith Damien. (1979). *Education Research: An Introduction (Third Edition)*. New York: Longman.
- Collet, B. A. (2007). Islam, National Identity and Public Secondary Education: Perspective from the Somali Diaspora in Toronto. *Race Ethnicity and Education*, 10(2), 131-153.
- Means, G. P. (1991). *Malaysian Politics. The Second Generation*. Singapore: Oxford University Press.
- Mohd Yusof Othman, Jawidah Dakir, Abd. Latif Samian et al. (2012). Jati Diri Kebangsaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 67-78.
- Nazri Muslim, Faridah Jalil, Abdul Aziz Bari et al. (2012). Tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 18.
- Ratnam, K. J. (1996). *Communalism and the Political Process in Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ramlah Adam. (2005). *Kajian Tabap Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Rukun Negara di Kalangan pelajar IPT*. Geran Penyelidikan Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional.

Ruslan Zainudin. (2005). *Sejarah Malaysia*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sinar Harian. <http://www.sinarharian.com.my/hubungan-etnik-perlu-dijadikan-subjek-wajib-di-sekolah>.

Utusan Melayu. 28 Oktober, 2010.